Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 4, e002243
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2243

Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan Pasar Minggu di Pekan Ranau, Sabah

(The Implications of The Movement Control Order (MCO) On the Business Activities of The Weekly Market Traders in Ranau, Sabah)

Lindah Roziani Jamru[1*], Jessie Padisan[2], Mohamad Nazril Sharil[3], Chentia Subi[4]

[1]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: lindahroziani@ums.edu.my
[2]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: ba19110149@student.ums.edu.my
[3]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: ba19110476@student.ums.edu.my
[4]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: ba19110948@student.ums.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Lindah Roziani Jamru
(lindahroziani@ums.edu.my)

KATA KUNCI:
COVID-19
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
Industri Kecil Sederhana (IKS)

KEYWORDS:
COVID-19
Movement Control Order (MCO)
Small and Medium Industries (SMEs)

CITATION:
Lindah Roziani Jamru et al. (2023). Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan Pasar Minggu di Pekan Ranau, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(4), e002243. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2243

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang berlaku di Malaysia telah memberi kesan negatif terhadap sektor perniagaan, terutamanya Industri Kecil Sederhana (IKS), kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memerangi penyebaran virus dalam kalangan masyarakat. Walaupun PKP dilaksanakan untuk kebaikan kesihatan awam, banyak peniaga yang mengalami kerugian akibat tidak dapat beroperasi sepenuhnya semasa tempoh PKP. Kajian ini dilakukan untuk menilai kesan PKP terhadap aktiviti perniagaan mereka. Responden kajian ini terdiri daripada 35 orang peniaga pasar minggu di pekan Ranau, Sabah. Kaedah soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) untuk menilai skor min. Hasil kajian menunjukkan skor min tertinggi bagi kesan penguatkuasaan PKP adalah pembaziran sayur -sayuran dan buah-buahan akibat rosak dan terbiar serta perniagaan mengalami kerugian yang sangat besar dengan skor min, 4.17 dan 4.29 masing-masing. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan perlaksanaan PKP telah menjejaskan para peniaga pasar minggu di pekan Ranau, Sabah. Walau bagaimanapun, para peniaga pasar minggu di pekan Ranau perlu mengambil tindakan proaktif untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Ini termasuk melaksanakan strategi pemasaran digital, menyediakan perkhidmatan penghantaran, atau mengembangkan produk

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan perkhidmatan yang baru untuk menyesuaikan diri dengan pasaran semasa.

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic in Malaysia has had a negative impact on the business sector, particularly Small and Medium Enterprises (SMEs), due to the goverment's implementation of the Movement control orders (MCO) to combat the spread of the virus. Although the MCO was implemented for the public health and safety, many traders suffered losses as they were unable to operate fully during the MCO period. This study was conducted to assess the impact of MCO on their business activities. The study's respondents consisted of 35 weekend market traders in Ranau, Sabah. The survey method was used as the research instrument and analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software to evaluate the minimum score. The study found that the highest minimum score for the impact of PKP enforcement was the wastage of vegetables and fruits due to spoilage and abandonment, and businesses suffered significant losses with minimum scores of 4.17 and 4.29 respectively. Overall, the PKP implemented did indeed affect weekend market traders in Ranau, Sabah. However, these traders need to take proactive measures to ensure the continuity of their businesses. This includes implementing digital marketing strategies, providing delivery services, or developing new products and services to adapt to the current market.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberi sumbangan kepada kajian sedia ada mengenai kesan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap peniaga pasar minggu di daerah Ranau, Sabah.

1. Pengenalan

Penularan virus COVID-19 ke seluruh pelosok dunia telah memberi impak negatif terhadap aktiviti harian manusia. Seluruh dunia telah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung masalah penularan virus ini, mengakibatkan segala aktiviti ekonomi dan sosial manusia dihadkan. Keadaan ini telah menjejaskan pendapatan rakyat dan ekonomi negara.

Di Malaysia, disebabkan berlakunya peningkatan kes COVID-19 telah menyebabkan pihak berkuasa menguatkuasakan PKP bermula pada 18 sehingga 31 Mac 2020. Penguatkuasaan PKP ini bertujuan untuk mengawal penularan virus COVID-19 dalam kalangan masyarakat Malaysia. Terdapat pelbagai impak negatif kesan dari penguatkuasaan PKP ini terutamanya bagi sektor perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (PKS).

Sepanjang tempoh PKP dilaksanakan, kesemua aktiviti perniagaan secara bersemuka telah dihentikan sekali gus menjejaskan pendapatan bulanan para pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (Wong, 2020). Kemerosotan ini turut mengakibatkan penurunan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (Saleh & Ndubisi, 2006). Hal ini disebabkan PKS ini secara keseluruhannya melibatkan pelbagai sektor dan industri di Malaysia.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Lima aktiviti ekonomi yang termasuk dalam kategori PKS ini di antaranya adalah pertanian, pembuatan, perkhidmatan, pembuatan dan perlombongan. Kesemua sektor ini memainkan peranan yang amat penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. PKS turut menyumbang kepada pendapatan negara melalui penjanaan eksport, menyediakan peluang pekerjaan, menyepadukan perniagaan dan turut membantu pertumbuhan beberapa industri berskala sederhana atau besar (Nanthakumar et al. 2004). Secara keseluruhannya, PKS merupakan asas kepada pertumbuhan ekonomi negara, di samping meningkatkan kemahiran keusahawanan peniaga (Ab. Aziz & Zakaria, 2004). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi melihat kesan penguatkuasaan PKP terhadap peniaga-peniaga pasar minggu di pekan Ranau, Sabah.

2. Sorotan Literatur

2.1. Definisi Penyakit Korona Virus (COVID-19)

Perkataan Koronavirus dan COVID-19 kini tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Malaysia dalam segenap lapisan masyarakat tidak kira yang tua mahupun yang muda. COVID-19 telah melanda Malaysia pada awal bulan Mac tahun 2020. Menurut World Health Organization (WHO) (2022) penyakit COVID19 ini merupakan salah satu penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus Corona. Manakala menurut Zarina et al (2021), istilah COVID-19 ini tidak merujuk kepada virus sebaliknya ia merujuk kepada penyakit yang dihasilkan oleh jangkitan Coronavirus. Virus tersebut telah dinamakan sebagai *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus* 2 (SARSCoV) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah faham WHO telah mengenalpasti penyakit yang disebabkan oleh SARSCoV sebagai Koronavirus apabila ia melanda Asia pada awal tahun 2003. Manakala pada tahun 2019 ialah tahun penyakit COVID-19 melanda.

2.2. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Peningkatan jumlah kes COVID-19 di kalangan rakyat Malaysia telah menyebabkan kerajaan melaksanakan PKP bagi membendung penularan wabak ini. Kerajaan Malaysia, melalui Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan PKP fasa 1 yang berkuat kuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara (Hidayah, 2020). Arahan PKP ini melarang sebarang pergerakan dan aktiviti atau perhimpunan besar, termasuk acara keagamaan, sukan, sosial dan kebudayaan.

2.3. Definisi Peniaga Pasar Minggu

Menurut Muhamad Rashid dan Suhaida (2022) perniagaan ditakrifkan sebagai pertukaran barang atau perkhidmatan dengan wang atau alatan, atau pertukaran lain, dengan matlamat keuntungan atau sebarang bentuk faedah. Persekitaran perniagaan hari ini jauh lebih sukar berbanding dahulu. Perubahan ekonomi, politik, sosiobudaya dan teknologi kerap berlaku. Persaingan dan faktor lain telah menyumbang kepada tahap tekanan dalam 19 bidang perniagaan. Untuk menangani isu ini dan memastikan pertumbuhan perniagaan berterusan struktur pengurusan yang ketat dan mengenal pasti isu dan peluang, serta memantau perubahan persekitaran perlu dilaksanakan. Menurut Muhamad Rashid dan Suhaida (2022) perniagaan kecil kecilan merupakan sebahagian daripada industri perniagaan. Antara perniagaan yang dikategorikan ini termasuklah pasar awam, swasta, penjaja, gerai dan pasar malam. Jenis perniagaan kecil ini mempunyai kos permulaan yang murah dan keperluan modal. Jualan makanan dan minuman, pakaian, produk pertanian,

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

barangan basah dan barangan lain seperti buku, pakaian, permainan dan perkakasan adalah sebahagian daripada industri ini. Mudir merujuk kepada seseorang yang berurusan dalam sesuatu produk tanpa mengambil kira jangka masa tetap untuk menjual dan membelinya. Contohnya, peniaga di pasar atau runcit. Secara tidak langsung istilah tersebut ditujukan kepada peniaga di pasar malam dan siang (Muhamad Rashid & Suhaida, 2022).

2.4. Konsep Peniaga

Menurut Zalina (2022), Peniaga ialah orang yang menjalankan perniagaan membeli dan menjual sesuatu atau menyediakan perkhidmatan untuk tujuan keuntungan. Peniaga adalah seseorang yang membuat wang dengan membeli dan menjual sesuatu. Ia menjana wang dengan membeli komoditi pada kos yang lebih rendah dan menjualnya pada harga yang lebih tinggi, dan jika ia terlibat dalam aktiviti perkhidmatan, ia akan memperoleh pendapatan daripada menyediakan perkhidmatan tersebut juga. Ia hanya berdagang untuk keuntungan. Selain itu, matlamat peniaga adalah untuk mencapai objektif peribadi.

2.5. Konsep Pengusaha Kecil-kecilan

Di Malaysia, perniagaan kecil dan sederhana dikategorikan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), yang biasanya diukur berdasarkan saiz perniagaan, bilangan pekerja, modal permulaan, dan jenis industri. Walau bagaimanapun, kajian lepas juga telah menggariskan PKS berdasarkan ciri-ciri, jenis produk, saiz industri, jualan tahunan, dan pemilikan aset. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SMIDEC) mentakrifkan PKS sebagai individu yang aktif terlibat dalam pengurusan perniagaan, mempunyai kurang daripada 150 pekerja di sektor pembuatan dan kurang daripada 50 pekerja di sektor perkhidmatan. Perniagaan mesti dimiliki secara persendirian dan tidak merupakan francais atau sebahagian daripada organisasi yang lebih besar (Noor Hazlina & Pi-Shen, 2010).

2.6. Konsep Kelangsungan Ekonomi

Menurut Tunc Ozelli (2022), ekonomi ialah sistem ekonomi wilayah atau negara, yang merangkumi pengeluaran, pengedaran dan penggunaan komoditi dan perkhidmatan terhad di wilayah atau negara tersebut. Dengan kata lain, ekonomi ialah jumlah keseluruhan transaksi produk dan perkhidmatan nilai tambah antara dua ejen ekonomi dalam wilayah, sama ada mereka individu, organisasi atau negeri. Hanya apabila kedua-dua pihak bersetuju dengan nilai atau harga produk yang diurus niaga, selalunya dinyatakan dalam mata wang tertentu, barulah urus niaga berlaku.

3. Metod Kajian

3.1. Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah penyelidikan kuantitatif. Burn dan Holden (1995) menyatakan bahawa kaedah penyelidikan merupakan suatu strategi untuk mengenal pasti masalah, mengumpul dan menganalisis data untuk rancangan akhir penyelidikan**.** Kaedah penyelidikan yang sistematik adalah untuk mendapatkan jawapan kepada sesuatu persoalan ataupun permasalahan (Abdullah & Raman, 2001). Carr (1994), menyatakan bahawa penyelidikan yang menggunakan kaedah kuantitatif adalah lebih meyakinkan daripada kaedah kualitatif, hal ini kerana

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pendekatan kaedah penyelidikan ini bertujuan untuk mengawal atau melancarkan pemboleh ubah dalam kajian.

3.2. Instrumen Kajian

Mohamad Najib (1999), menjelaskan bahawa borang soal selidik adalah satu instrumen yang berguna dalam kajian penyelidikan untuk mengumpulkan maklumat tentang fakta, keyakinan, keperluan, dan kebolehpercayaan.

Dalam konteks kajian ini, satu set borang soal selidik yang mempunyai pelbagai soalan yang berkaitan dengan objektif kajian yang telah dirangka telah dihasilkan bagi responden untuk dijawab. Seramai 35 orang peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di pasar minggu di pekan Ranau, Sabah. Set borang soal selidik mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merupakan maklumat demografi responden yang terlibat dalam kajian. Bahagian B pula mengenai profil perniagaan para pengusaha pasar minggu di pekan Ranau, Sabah. Bahagian C melibatkan kepada kesan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap aktiviti perniagaan semasa tempoh pandemik COVID-19. Keseluruhan bahagian dalam borang soal selidik perlu diisi oleh responden untuk memastikan proses menganalisis data dapat dijalankan dengan lancar dan seterusnya memperoleh data yang diperlukan bagi memenuhi objektif kajian ini.

4. Hasil Kajian

4.1. Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan

Bahagian ini akan menerangkan mengenai kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dialami oleh para peniaga pasar minggu yang merangkap sebagai responden kajian. Perkara ini dilaksanakan bagi melihat sejauh mana kesan perintah kawalan pergerakan ini memberikan kesan terhadap aktiviti perniagaan para peniaga pasar minggu serta yang lebih utama adalah kelangsungan ekonomi mereka. Hasil daripada kajian yang telah diperoleh dipaparkan dalam bentuk jadual kekerapan serta jadual skor min. Skala liket yang telah digunakan adalah sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Unit tafsiran skor min yang digunakan dalam kajian ini telah di aplikasi berdasarkan kepada kaedah yang telah dikemukakan oleh Alias (1999). Dalam tafsiran skor min ini terdapat lima skala iaitu skala sangat rendah (1.00-1.80), skala rendah (1.81-2.60), skala sederhana (2.61-3.40), tinggi (3.41-4.20) dan sangat tinggi (4.21-5.00).

Berdasarkan kepada Jadual 1, hasil dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden memberikan respons dalam lingkungan skala likert ‘sangat bersetuju’ bahawa salah satu kesan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap aktiviti perniagaan adalah PKP yang dikuatkuasakan telah menyebabkan peniaga kehilangan sumber pendapatan iaitu seramai 18 orang bersamaan dengan 51.43 peratus daripada keseluruhan responden. Kekerapan bagi pernyataan PKP yang telah dilaksanakan dalam tempoh yang panjang menyebabkan peniaga terpaksa menghabiskan wang simpanan adalah pada skala liket ‘setuju’ iaitu seramai 22 orang bersamaan dengan 62.86 peratus daripada keseluruhan jumlah responden. Seterusnya, nilai kekerapan bagi pernyataan masalah lambakan sayur - sayuran dan buah-buahan akibat tidak ada pemborong dan pembeli berada pada skala liket ‘setuju’ iaitu seramai 20 orang responden bersamaan dengan 57.14 peratus. Bagi pernyataan tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan secara fizikal berada pada skala liket ‘setuju’ yang mana seramai 19 orang responden bersamaan dengan 54.28 peratus daripada jumlah keseluruhan. Jumlah kekerapan responden yang setuju dengan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pernyataan pembaziran sayur-sayuran dan buah-buahan adalah 51.43%, sementara jumlah kekerapan responden yang setuju dengan pernyataan perniagaan mengalami kerugian yang besar adalah 48.57%.

Jadual 1 : Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Pernyataan Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Jumlah Keseluruhan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
PKP yang dikuatkuasakan telah menyebabkanpeniaga kehilangansumber pendapatan.	0	0	2	5.71	5	14.29	18	51.43	10	28.57	35	100
PKP yang telah dilaksanakan dalam tempoh yang panjang menyebabkan peniaga terpaksa menghabiskan wang simpanan.	0	0	2	5.71	1	2.86	22	62.86	10	28.57	35	100
Masalah lambakan sayur-sayuran dan buah-buahan akibat tidak ada pemborong dan pembeli.	0	0	0	0	3	8.57	20	57.14	12	34.28	35	100
Tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan secara fizikal.	0	0	1	2.86	1	2.86	19	54.28	14	40.00	35	100
Pembaziran sayur-sayuran dan buah-buahan akibat rosak dan terbiar.	0	0	1	2.86	4	11.43	18	51.43	12	34.28	35	100
Perniagaan mengalami kerugian yang sangat besar.	0	0	0	0	4	11.43	17	48.57	14	40.00	35	100

5. Perbincangan Kajian

Bahagian ini akan menerangkan mengenai kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dialami oleh para peniaga pasar minggu melalui hasil kajian dalam responden kajian. Perbincangan ini akan memperincikan hasil kajian melalui skor min yang ditunjukkan dalam Jadual 2 bagi menilai tahap kesan terhadap para peniaga yang dijelaskan kepada lima skala yang mempunyai nilai masing-masing menggunakan SPSS.

Jadual 2 : Tafsiran Skor Min

Julat	Tahap
-1.80	Sangat Rendah
1.81-2.60	Rendah

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2.61-3.40	Sederhana
3.41-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Mohamad Najib (1999)

Jadual 3 menunjukkan skor min bagi kesan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap aktiviti perniagaan. Hasil daripada analisis kajian mendapati bahawa tiga daripada pernyataan tersebut berada pada tahap tinggi dan tiga lagi berada pada tahap sangat tinggi berdasarkan kepada skor min.

Jadual 3 : Skor Min bagi Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan

Bil	Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan	Skor Min	Tahap
1	PKP yang dikuatkuasakan telah menyebabkan peniaga kehilangan sumber pendapatan.	4.03	T
2	PKP yang telah dilaksanakan dalam tempoh yang panjang menyebabkan peniaga terpaksa menghabiskan wang simpanan.	4.24	T
3	Masalah lambakan sayur-sayuran dan buah-buahan akibat tidak ada pemborong dan pembeli.	4.26	ST
4	Tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan secara fizikal.	4.31	ST
5	Pembaziran sayur-sayuran dan buah-buahan akibat rosak dan terbiar	4.17	T
6	Perniagaan mengalami kerugian yang sangat besar.	4.29	ST

Bagi pernyataan yang terletak pada tahap tinggi, nilai skor min paling tinggi antara pernyataan adalah 4.17 iaitu pernyataan bahawa pembaziran sayur-sayuran dan buah-buahan akibat rosak dan terbiar merupakan kesan daripada penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap perniagaan. Tidak dinafikan bahawa sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan masyarakat adalah terbatas dan hanya mereka yang mempunyai kepentingan dan bekerja serta terlibat dalam perkhidmatan penting sahaja yang boleh melakukan perjalanan namun begitu masih tertakluk dengan SOP yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Oleh sebab itu, pelanggan tidak dapat keluar membeli bahan mentah di pasar menyebabkan banyak sayuran dan buah-buahan yang rosak dan berlakunya pembaziran. Manakala pernyataan yang berada tahap tinggi yang mempunyai skor min paling tinggi sebanyak 4.29 adalah perniagaan mengalami kerugian yang sangat besar. Pernyataan ini disokong melalui kajian yang telah dilakukan oleh Rahman dan Noor (2021) yang menyatakan para pengusaha PKS mengalami kerugian akibat daripada PKP kerana tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan seperti sebelum ini.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan oleh kerajaan telah memberi kesan terhadap aktiviti perniagaan PKS dan hampir semua usahawan menanggung kerugian akibat tidak dapat beroperasi semasa tempoh PKP. Untuk membantu peniaga kecil untuk meneruskan kelangsungan ekonomi mereka, pihak kerajaan boleh menyediakan dana untuk membantu para peniaga ini menjalankan kembali operasi perniagaan mereka. Antara cara yang boleh dilakukan ialah dengan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menyediakan dana melalui skim pinjaman atau subsidi yang boleh membantu menampung kos operasi dan mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh PKS. Selain itu, kerajaan juga boleh memperkenalkan inisiatif seperti program latihan dan bimbingan yang bertujuan untuk membantu PKS meningkatkan kecekapan dan daya saing mereka dalam pasaran semasa. Program-program ini boleh membantu PKS memahami dan mengatasi isu-isu yang dihadapi dalam operasi perniagaan mereka. Selain itu, kerajaan juga boleh memberikan insentif dan peluang untuk PKS untuk memasuki pasaran yang lebih besar atau untuk memperluas perniagaan mereka melalui program-program seperti kontrak awam atau program pengurusan risiko. Kesimpulannya, penyediaan dana dan program-program yang mencetuskan peningkatan daya saing PKS dapat membantu PKS meneruskan operasi perniagaan mereka dan mengurangkan kesan negatif yang dihadapi semasa PKP. Oleh itu, kerajaan perlu mempertimbangkan langkah-langkah yang sesuai untuk membantu PKS dalam mengekalkan kestabilan ekonomi mereka.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada peniaga- peniaga pasar malam di Daerah Ranau, Sabah yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjawab borang soal selidik.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abdullah, S. H., & Raman, S. (2001). Quantitative and qualitative research methods: Some strengths and weaknesses. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, *17*, 1-15.

Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof. (2004). *Prinsip Keusahawanan Edisi Kedua*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Alias Baba (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan Sains Sosial. Edisi Pertama*. Selangor. Penerbit America: John Wiley & Sons Inc

Burn, P. & Holden, A. (1995). *Tourism: A New Perspective*. New Jersey: Prentice Hall.

Carr, L. T. (1994). The strengths and weaknesses of quantitative and qualitative research: what method for nursing? *Journal of Advanced Nursing, 20*(4),716–721. https://doi.org/10.1046/j.1365- 2648.1994.20040716.x. Pada 15 Januari 2022

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Hidayah. (2020). COVID-19: Maksud perintah kawalan pergerakan (Movement Control Order). *Mmgazette*. https://www.mmgazette.com/covid-19- maksud-perintah-kawalan-pergerakan-movement-control-order-drfarizah-hairi-dr-zaki-hilmi/. Diakses pada 28 Februari 2022

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Muhamad Rashid & Suhaida Binti Abd Rhapar. (2022). *Amalan Pengurusan 76 Perniagaan Peniaga-peniaga Kedai Runcit Bumiputera Bandar Daerah Hilir Perak*. Dipetik daripada https://core.ac.uk/download/11786517.pdf. Diakses pada 28 Februari

Nanthakumar a/l Loganathan, Mohd Najit Sukemi, Mohd Nasir Nawawi, Madzli Harun & Zuha Rosufila. (2004). Perusahaan Kecil dan Sederhana. Kajian Kes: Pesisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *The 4th International Malaysian Studies Conference, UKM*.

Noor Hazlina Ahmad & Pi-Shen Seet (2010) Gender variations in ethical and socially responsible considerations among SMEs entrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 11, 77-88.

Rahman, R. A., & Noor, H. M. (2021). Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Perniagaan Makanan Tradisi Yang Diusahakan Oleh Usahawan Pks Dan Bantuan Kerajaan Yang Diperlukan Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, *27*(1), 133-150.

Saleh, A.S. & Ndubisi N.O. (2006). An Evaluation of SME Development in Malaysia. *International Review of Business Research Papers, 2*(1),1- 1

Tunc Ozelli. (2022). The financial and conceptual of intangible asset manager capitalism. *Journal of Ekonomi,* 5, 29-100.

Wong, H. S. (2020). Tinjauan tentang kesan COVID19 dan isu perundangan terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia*. International Journal of Law Government and Communication, 5*(21),72-82

World Health Organization (WHO). (2022) Middle East Respiratory syndrome coronavirus (MERS-CoV). *WHO*. Retrieved from https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/middle-eastrespiratory-syndrome-coronavirus-(mers-cov). On January 28, 2022.

Zalina Yussof. (2022). Definisi peniaga perniagaan. Dipetik daripada /doc/238118184/Definisi-peniaga-perniagaan. Diakses pada 2 Januari 2022

Zarina Thasneem Zainudeen, Intan Juliana Abd Hamid, Muhd Nur Akmal Azizuddin et al. (2021). Psychosocial impact of COVID-19 pandemic on Malaysian families: a crosssectional study. *BMJ Open,* 11, e050523. doi:10.1136/ bmjopen-2021-050523

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).